

MEMO PENDAFTAR BIL.03/2025

KEPADA : SEMUA GRADUAN UNISEL

DARIPADA : HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT PENDAFTAR

TARIKH : 1 OGOS 2025

NO RUJUKAN : (03) dlm. UNISEL/PP/01.10_Jld.II

PERKARA : MAKLUMAN PEMBUKAAN LINK I-CONVO 2025

Assalamua'laikum w.b.t & Salam Sejahtera

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Istiadat Konvokesyen Kali Ke-19 Universiti Selangor (UNISEL) akan diadakan pada 27 hingga 29 September 2025 (Sabtu - Isnin) bertempat di Dewan Canselor, UNISEL Kampus Bestari Jaya.

3. Graduan tahun 2022 dan 2023 yang tidak dapat hadir pada Istiadat Konvokesyen yang lepas dijemput untuk menyertai Istiadat Konvokesyen pada kali ini dan permohonan rayuan boleh di emailkan ke konvo@unisel.edu.my

4. Semua graduan hendaklah membayar Yuran Graduasi yang telah ditetapkan seperti di bawah:

Program Pengajian	Yuran Graduasi
Ijazah Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma	RM350.00
Ijazah Kedoktoran	RM500.00

*Kadar Yuran Graduasi dikekalkan seperti tahun terdahulu.

5. Bayaran Yuran Graduasi boleh dibuat secara dalam talian atau di Kaunter Kewangan Pelajar, Pejabat Bendahari UNISEL sebelum atau pada **31 Ogos 2025 (Ahad)**.

6. Graduan boleh merujuk kepada link <http://iconvo.unisel.edu.my/login.php> untuk membuat pengesahan kehadiran dan seterusnya mendapatkan maklumat lanjut mengenai Istiadat Konvokesyen Kali Ke-19. Pengesahan kehadiran boleh dibuat sebelum atau pada **31 Ogos 2025 (Ahad)**.

Kerjasama dan perhatian para graduan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"PENERAJU TRANSFORMASI"
"MALAYSIA MADANI"

Yang benar


HAJJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT
Pendaftar